

*Rahimah bte Rahim*  
lawan  
*Mohd. Dahlan bin Abd. Karim*

(Kes Mal Bil. 64/90) Mahkamah Kadi Besar  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Abstract: (Islamic Family Law) - Ta'liq - Maintenance for the period of 'Iddah - Mut'ah - Islamic Family Law (Federal Territory) Act, 1984, ss. 56/59 and the Federal Territory (Modification of Administration of Muslim Law Enactment) Order 1974, s. 45(3)(b).*

Dalam kes ini pihak menuntut telah bercerai dengan pihak kena tuntutan melalui lafaz *ta'liq kinayah*. Pihak kena tuntutan telah melafazkan *ta'liq kinayah* kepada pihak menuntut agar pihak menuntut tidak keluar dari rumah. Pihak menuntut telah melanggar arahan tersebut dan akibatnya jatuh talak satu. Kemudiannya pihak menuntut telah memohon nafkah 'iddah sebanyak RM500.00 sebulan dan muta'ah yang berjumlah RM12,000.00

**Diputuskan:**

Tuntutan nafkah 'iddah oleh pihak menuntut ditolak atas alasan pihak menuntut telah meninggalkan rumah kediaman semasa 'iddah. Manakala tuntutan muta'ah oleh pihak menuntut telah dipersetujui oleh Mahkamah tetapi dengan kadar yang berpatutan iaitu RM2,400.00

**Kes Rujukan:**

1. *Norbee* lawan *Ahmad Sanusi* [1980 - 1981] I & II *J.H.* 63.
2. *Haji Abdullah bin Haji Hamzah* lawan *Che' Mon Bte Yaacob* [1983] III *J.H.* 110.

**Hakim:** Syeikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman

**Peguam:**

1. *Salamah bte Hj. Mustakim* mewakili pihak yang menuntut Puan Kamar Ainiah Kamaruszaman.
2. *Hj. Nadzim bin Hj. Abdul Rahman* bagi pihak kena tuntutan.

**Di dalam Mahkamah Kadi Besar**

Kes ini adalah satu kes tuntutan mal yang dibuat oleh Rahimah bte Rahim k/p: 0185905 yang tinggal di alamat nombor 67 Jalan 4/A114, Taman Bukit Cheras, 56000 Kuala Lumpur (Yang Menuntut) ke atas bekas suaminya Mohd. Dahlan bin Abd. Karim k/p:6730610 yang tinggal di alamat 296, Jalan 141/1, Kampong Malaysia Tambahan, 57100 Kuala Lumpur (Yang Kena Tuntut).

Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut telah berkahwin pada 6 Ogos, 1977 di Masjid Tanah, Melaka. Hasil perkahwinan ini mereka telah dikurniakan seorang anak lelaki bernama Mohd. Johari bin Mohd Dahlan yang dilahirkan pada 30 April, 1984. Pada 28 Ogos, 1988 Yang Kena Tuntut telah menceraikan Yang Menuntut dengan talaq satu. Fakta-fakta yang tersebut di atas adalah diakui dan tidak dipertikaikan Pihak Kena Tuntut seperti yang dinyatakan dalam pembelaan di perenggan satu.

Semasa perceraian didaftarkan tiada apa penyelesaian berkaitan dengan nafkah 'iddah dan muta'ah. Fakta-fakta ini tidak dipertikaikan mengenai penyataan muta'ah dan mengenai nafkah 'iddah adalah dipertikaikan kerana telah disebut bahawa Yang Menuntut tidak layak menerima nafkah 'iddah kerana nusyuz di perenggan kedua pembelaan Yang Kena Tuntut.

Oleh kerana pada masa pendaftaran perceraian dibuat tidak ada penyelesaian mengenai nafkah 'iddah dan muta'ah dan Pihak Kena Tuntut merasakan beliau berhak mendapat hak-haknya selepas perceraian berlaku, maka Yang Menuntut melalui wakilnya iaitu Puan Kamar Ainiah bte Kamaruszaman dari Tetuan Kamar Ainiah dan Rakan telah memfailkan tuntutan muta'ah dan nafkah 'iddah di Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan dan memohon kepada Mahkamah memfardukan ke atas Yang Kena Tuntut perkara berikut:

1. Muta'ah RM12,000.00
2. Nafkah 'iddah RM500.00 sebulan 3 bulan RM1,500.00
3. Kos Peguam
4. Lain-lain perintah yang difikir patut dan munasabah oleh mahkamah

Setelah membaca dan meneliti penyataan tuntutan yang difailkan oleh Yang Menuntut dan didapati Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini mengikut seksyen 56 dan 59 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 45 3(b) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974.

### Tuntutan Nafkah 'Iddah

Yang Menuntut menuntut nafkah 'iddah sebanyak RM500.00 sebulan dan selama dalam 'iddah 3 bulan RM1,500.00. Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut adalah bekas suami isteri dan mereka telah bercerai pada 28.8.1988. Yang Kena Tuntut telah melafazkan takliq kepada Yang Menuntut, katanya: "Jangan keluar, kalau kau keluar juga putus hubungan kita" dengan niat cerai. Yang Menuntut keluar dan beliau telah melanggar ta'liq Yang Kena Tuntut. Apabila berlaku yang demikian itu maka Yang Kena Tuntut telah memohon kepada Mahkamah Syariah Kuala Lumpur untuk mengesahkan ta'liqnya, Mahkamah telah mengesahkan ta'liq tersebut serta memutuskan jatuh satu talaq pada mulai daripada 28.8.1988 dan perceraian tersebut telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Nikah Ceraidan Rujuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Surat perakuan cerai nombor 9/89 bertanda "RR2".

Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan telah mengesahkan perceraian dengan lafaz ta'liq oleh Yang Kena tuntutan dan Mahkamah tidak memfardukan apa-apa bayaran ke atas Yang Kena Tuntut. Yang Menuntut merasakan beliau berhak untuk mendapatkan nafkah 'iddah dan juga muta'ah oleh sebab perceraian itu. Oleh yang demikian beliau menuntut nafkah 'iddah dan juga muta'ah di Mahkamah ini dan memohon supaya Mahkamah memfardukan ke atas Yang Kena Tuntut membayar nafkah 'iddah sebanyak RM500.00 dan selama dalam 'iddah sebanyak RM1,500.00.

Yang Kena Tuntut mengakui bahawa nafkah 'iddah tidak dibayar kepada Yang Menuntut dalam 'iddah. Yang Kena Tuntut mempertikaikan mengenai nafkah 'iddah dan menyatakan Pihak Yang Menuntut tidak berhak mendapat nafkah 'iddah kerana Yang Menuntut melanggar ta'liqnya dan menyebabkan perceraian. Jadi untuk menentukan sama ada Yang Menuntut berhak atau tidak berhak mendapat nafkah 'iddah seperti yang dituntut di dalam kes ini maka saya akan merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan qiyas. Saya juga akan melihat kepada kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri Malaysia dan juga lain-lain negara Islam. Iddah ialah suatu tempoh masa menepati yang diwajibkan ke atas isteri sesudah ia diceraikan atau selepas kematian suaminya di mana ia tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain sehinggalah berakhir masa tersebut. Tujuannya supaya bersih rahim perempuan itu dari anak atau supaya diketahui adakah kandungan rahim itu berisi atau tidak. Iddah adalah diwajibkan ke atas isteri yang bercerai dengan suaminya sama ada bercerai hidup atau mati. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud "dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga suci (*dari haid*)". (*Al-Baqarah: 228*) Dan firman Allah s.w.t. lagi "*dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka ('iddah) selama empat bulan sepuluh hari*". (*al-Baqarah: 234*) Dan sabda Rasulullah s.'a.w. kepada Fatimah bte Kais "*ber'iddahlah kamu di rumah Ummi Kalthum...*" (Lihat *Mihaj al-Salihin min Ahadith wa Sunnah Khatam al-Anbiya' wa al-Mursalain*, h. 351) Ini juga telah diijma' oleh para ulama bahawa isteri-isteri yang diceraikan oleh suami sama ada cerai hidup atau mati hendaklah ber'iddah.

Adalah menjadi kewajiban kepada perempuan-perempuan yang ber'iddah tinggal semasa dalam 'iddah di rumah kelamin mereka sehinggalah selesai 'iddahnya. Tidak harus mereka keluar dari rumah kelamin itu dan tidak harus bagi suami mengeluarkan mereka dari rumah itu. Sekiranya berlaku perceraian dan isteri berada di luar rumah kelamin maka wajib ia kembali ke rumah itu sebaik ia mengetahui. Firman Allah yang bermaksud:

*“Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umat engkau) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddahnya, dan hendaklah akan masa 'iddah itu (dengan betul) serta bertaqwa kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah tempat kediamannya (sehingga selesai 'iddahnya) dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya) dan sesiapa yang melanggar aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan sesudah itu sesuatu perkara (yang lain)” (al-Talaq:1)*

Al-Imam Taqi al-Din Abi Bakr Muhammad al-Husayni dalam *Kifayah al-Akhyar* berpendapat bahawa orang perempuan yang ber'iddah hendaklah tinggal di tempat kediaman 'iddah dan tidak harus baginya keluar dari rumah itu. Begitu juga tidak harus mengeluarkannya dari rumah itu kecuali uzur. (Lihat *Kifayah al-Akhyar*, Juzuk 2, Syarikat al-Maarif Li al-Tabi'i Wa al-Nasyr, Bandung, Indonesia, h. 136). Pihak pemohon atau Yang Menuntut tidak tinggal di rumah kelamin sebelum bercerai. Fakta itu disebut oleh Yang Menuntut sewaktu memberi keterangan di Mahkamah dalam masa menjawab soalan utama oleh peguamnya. Katanya:

*“Semasa 'iddah saya tinggal dengan adik saya. Rumah kelamin sebelum bercerai ialah di Kampong Malaysia Tambahan, Jalan 141/1, Lot 296. Sewaktu 'iddah saya tidak tinggal di rumah kelamin kerana saya tidak dibenarkan balik. Saya cuba hendak balik dia kata jangan balik kerana kita sudah putus hubungan. Penen tang tinggal di rumah. Saya beritahu dia saya tinggal di rumah adik di Cheras. Dia beritahu saya awak boleh datang pada bila-bila masa mengambil barang-barang. Pada 31.8.88 saya pergi mengambil barang-barang di rumah itu dan dia tidak menghalang saya”*

Saksi pertama dan saksi kedua juga menyatakan kepada Mahkamah bahawa mereka sama-sama membantu Yang Menuntut mengemas dan mengambil barang-barang dan membawa keluar barang-barang tersebut dengan lori. Dalam kes ini Yang Menuntut

tidak merujuk kepada Mahkamah Kadi sebelum meninggalkan rumah kelaminnya dan tidak memohon kepada Mahkamah untuk tinggal terus di rumah kelaminnya sehingga selesai 'iddah. Sebaliknya Yang Menuntut selepas tiga hari berlaku perceraian terus mengambil barang-barangnya dan keluar daripada rumah kediaman suaminya ke rumah adiknya. Ketetapan tinggal di rumah kediaman semasa 'iddah itu ditentukan oleh firmah Allah yang bermaksud:

*“Janganlah kamu mengeluarkan mereka daripada rumah-rumah tempat kediamannya (sehingga selesai 'iddahnya) dan janganlah pula (dibenar) mereka keluar (dari situ) ...” (al-Talaq: 1)*

Menurut *Kifayah al-Akhyar* di mana maksudnya:

*“Jika bersetuju suami isteri supaya isteri berpindah ke rumah lain tanpa sebab yang diluluskan oleh Syara' nescaya tidak harus (berpindah) dan hukum berhak melarang yang demikian itu kerana 'iddah adalah hak Allah dan wajib tinggal di rumah itu” (Juzuk 2, h. 136)*

Di sini jelas bahawa Yang Menuntut telah meninggalkan rumah kediaman semasa dalam 'iddah dengan pengakuannya sendiri dan dengan itu beliau telah melanggar perintah Allah seperti yang tersebut dalam surah *al-Talaq* ayat 1. Oleh itu, permohonan untuk mendapatkan nafkah 'iddah tidak dapat dipertimbangkan kerana beliau telah melanggar hak Allah yang menyebabkan gugur haknya daripada mendapat nafkah 'iddah. Maka dengan itu, saya putuskan bahawa tuntutan Yang Menuntut bagi mendapat nafkah 'iddah selama dalam 'iddah sebanyak RM1,500.00 adalah ditolak.

#### **Tuntutan Muta'ah**

Yang Menuntut menuntut muta'ah sebanyak RM12,000.00. Muta'ah tidak diselesaikan semasa pendaftaran perceraian dibuat. Yang Menuntut merasakan beliau berhak mendapat muta'ah daripada bekas suaminya mengikut hukum Syarak. Oleh itu, beliau mengemukakan tuntutan dan menfaikannya di Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan. Pihak Kena Tuntut tidak bersetuju dengan tuntutan itu dan memohon supaya mahkamah menolak tuntutan tersebut. Untuk menentukan sama ada Yang Menuntut berhak mendapat muta'ah ataupun tidak maka saya akan meneliti kenyataan keterangan-keterangan, fakta-fakta dan alasan-alasan yang dikemukakan oleh Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut serta saksi-saksi kedua-dua pihak dalam kes ini kepada Mahkamah dengan merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah, pendapat para fuqaha' dan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini. Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut telah berkahwin pada 6 Ogos, 1977 dan bercerai pada 28 Ogos 1988. Semasa berkahwin Yang Menuntut adalah seorang janda beranak empat dan Yang Kena Tuntut juga adalah seorang duda beranak tiga. Yang Menuntut bekerja

sebagai jururawat dan Yang Kena Tuntut bekerja sebagai teknisyen di Syarikat Good Year dengan gaji hari. Yang Menuntut menyatakan kepada mahkamah semasa menjawab soalan utama oleh peguamnya, katanya:

*Semasa dia menikah dengan saya dia bekerja dengan gajinya RM600.00 sebulan, ini dalam tahun 1977. Semasa menikah dengan dia gaji saya baru RM500.00 sebulan. Saya bercerai dengan Mohd. Dahlan pada 28.8.88. Pendapatan beliau waktu bercerai RM1,700.00 sebulan”*

Saksi Pemohon yang pertama menyatakan kepada mahkamah bahawa pendapatan Yang Kena Tuntut tidak kurang RM1,500.00 sebulan. Yang Kena Tuntut menyatakan kepada mahkamah semasa soal semula oleh wakilnya, katanya:

*“Pendapatan saya, saya bergaji harian dengan Good Year sebagai teknisyen. Dan kadang-kadang saya membuat kerja lebih masa. Pendapatan sebulan RM1,600.00. Sekiranya saya buat kerja lebih masa mungkin RM1,800.00”*

Daripada pendapatan bulanan lain Pihak Kena Tuntut menyatakan kepada mahkamah sewaktu menjawab balas oleh peguam Yang Menuntut bahawa beliau tanggung perbelanjaan isterinya yang baru dikahwini dan telah mendapat seorang anak, menanggung perbelanjaan seorang anak dengan Yang Menuntut sebanyak RM120.00 sebulan dengan potongan gaji. Yang Menuntut tidak menyatakan kepada mahkamah bahawa yang Kena Tuntut ada mempunyai sumber-sumber pendapatan yang lain daripada pendapatan bulanannya dengan Syarikat Good Year.

Mengikut hukum Syarak seseorang isteri yang diceraikan bukan dengan sebab daripadanya maka ia adalah berhak mendapat muta'ah. Firman Allah yang bermaksud:

*“Tidaklah kamu bermasalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu menceraikan isteri- isteri kamu sebelum kamu setubuh dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka. Walaupun demikian hendaklah kamu memberi muta'ah (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu) iaitu suami yang senang (hendaklah memberikan saguhati itu) menurut ukuran kemampuan, dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pembe rian (saguhati) menurut patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan” (al-Baqarah: 236)*

Dan firman Allah lagi:

*“Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat nafkah (pemberian saguhati dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang bertaqwa” (al-Baqarah: 241)*

Mengikut pendapat baru (*al-jadid*) di dalam Mughni al-Muhtaj, muta'ah adalah wajib diberikan kepada perempuan-perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi sekiranya tidak diwajibkan kepadanya muta'ah mahar begitu juga wajib diberikan muta'ah kepada perempuan-perempuan yang diceraikan dan telah disetubuhi. (Mughni al-Muhtaj, Juzuk 3, h. 241) Perceraian ini berlaku di antara Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut dalam kes ini menurut faktanya ialah Yang Menuntut telah melanggar satu *ta'liq* yang dibuat oleh Pihak Kena Tuntut. Yang Menuntut menyatakan pada 30 ogos, 1988 Pemohon telah memberitahu Penentang bahawa beliau akan pergi ke rumah anaknya yang baru lepas bersalin. Tujuan Yang Menuntut ialah untuk melihat anak dan cucunya serta untuk memberi wang belanja persekolahan kepada anak lelakinya yang tinggal bersama kakaknya. Yang Menuntut menyatakan akan balik keesokan harinya yang kebetulan cuti umum. Penentang telah memberi kata dua kepada Yang Menuntut:

*"Jangan keluar, kalau keluar juga putus hubungan kita"*

Yang Kena Tuntut menyatakan amaran ini dikeluarkan kepada Yang Menuntut pada 28.8.1988. Yang Menuntut selepas mendengar lafaz Yang Kena Tuntut (suaminya) pada malam itu keluar ke rumah anaknya yang pertama Noryahati bte Abdul Talib yang tinggal di Bandar Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Yang Kena Tuntut telah menyatakan dalam suratakuan sumpah yang dibuat pada 14 September, 1988 dan ini dilampirkan bersama dengan penyata pembelaannya bertarikh 18hb. Februari, 1991. Bahawa rangkaian kata yang dilafazkan kepada isterinya yang berbunyi "*jangan keluar, kalau keluar juga putus hubungan kita,*" katanya (Yang Kena Tuntut) "*saya berkata dengan niat dan maksud sekiranya isteri saya Rahimah bte Rahim melanggar ta'liq lafaz saya itu maka jatuhlah talaq ke atas isteri saya itu dengan talaq satu*"

Rangkaian kata yang dilafazkan oleh Yang Kena Tuntut kepada isterinya (Yang Menuntut) seperti dakwaan itu adalah satu lafaz *ta'liq* yang berbentuk kinayah. Yang Kena Tuntut telah menyatakan juga beliau melafazkan *ta'liq* dengan niat cerai. Apabila Yang Menuntut melanggar *ta'liq* yang dilafazkan oleh beliau dengan niat cerai itu maka sabitlah talaq ke atasnya. Jadi, di sinilah jelas menunjukkan bahawa perceraian pada hakikatnya adalah dengan bahkan kepada Yang Kena Tuntut hanya lafaz cerai itu digantungkan dengan *ta'liq* dalam bentuk kinayah dan dengan niat talaq sekiranya berlaku pelanggaran *ta'liq*. Dalam kes ini berlaku pelanggaran *ta'liq* oleh Yang Menuntut dan ia telah melakukan satu kesalahan tetapi sekiranya *ta'liq* yang dilafazkan itu tidak diniatkan dengan maksud talaq atau cerai maka perceraian tidak akan berlaku.

Dalam kes ini saya lebih cenderung kepada pendapat ulama al-Nawawi seperti yang tersebut di dalam *Matan Minhaj al-Talibin* dan dihuraikan oleh al-Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini di dalam *Mughni al-Muhtaj* iaitu:

*"dan begitu (juga) wajib bagi perempuan yang dicerai kan yang telah disetubuhi itu muta'ah mengikut pendapat yang azhar di di dalam Qaul al-Jadid (yang baru) sama ada diserahkan kuasa menjatuhkan*

*talaq kepadanya maka digugurkan talaq atau ia menggantungkan (talaq) dengan perbuatannya maka dilakukan” (Juzuk 3 h. 241)*

Dengan itu saya berpendapat bahawa alasan Yang Kena Tuntut menolak tuntutan muta'ah oleh Yang Menuntut semata-mata dengan alasan melanggar *ta'liq* adalah tidak boleh diterima. Berdasarkan fakta-fakta dan alasan-alasan mengikut hukum Syarak seperti yang disebutkan di atas, maka saya putuskan bahawa Yang Menuntut adalah berhak mendapat muta'ah daripada bekas suaminya (Yang Kena Tuntut).

Mahkamah berpendapat Yang Menuntut adalah layak dan berhak mendapat muta'ah. Kadar muta'ah yang dituntut ialah RM12,000.00. Pihak Kena Tuntut tidak bersetuju memberi muta'ah dan memohon supaya mahkamah menolak permohonan tersebut. Mahkamah telah mendengar permohonan itu dan telah meneliti keterangan-keterangan kedua-dua belah pihak dan mahkamah berpendapat Yang Menuntut adalah berhak mendapat muta'ah daripada bekas suaminya (Yang Kena tuntutan). Sementara saya meneliti apakah tuntutan muta'ah dengan kadar RM12,000.00 oleh Yang Menuntut dan tidak dipersetujui oleh Yang Kena Tuntut itu munasabah atau sebaliknya. Ini adalah berdasarkan kepada pendapat para fuqaha di antaranya dalam kitab Mughni al-Muhtaj yang bermaksud:

*“Sekiranya mereka berdua tidak bersetuju dengan kadar (nafkah 'iddah) tersebut, maka pihak Kadi mestilah melihat dan memutuskannya dengan mengambil kira kadar yang patut tanpa membebankan pihak suami ...” (Juzuk 3 h. 242)*

Yang Menuntut telah menyatakan kepada mahkamah semasa memberi keterangan di dalam mahkamah seperti yang tersebut di atas iaitu pada masa beliau bercerai dengan Yang Kena tuntutan pendapatan Yang Kena Tuntut pada masa perceraian berlaku ialah sebanyak RM1,700.00 sebulan dan kenyataan ini tidak dipertikaikan oleh Yang Kena Tuntut bahkan Yang Kena tuntutan menyatakan kepada mahkamah bahawa pendapatan beliau waktu itu ialah di antara RM1,600.00 dan RM1,800.00 sebulan sekiranya ada kerja lebih masa. Yang Menuntut dan saksi-saksinya tidak memberitahu mahkamah tentang pendapatan-pendapatan lain Pihak Kena Tuntut jika ada. Yang Kena Tuntut memberitahu mahkamah beliau menanggung perbelanjaan seorang isteri dan seorang anak lelaki dengan Yang Menuntut mengikut perintah mahkamah dengan potongan tenaga pendapatan beliau sebanyak RM120.00 sebulan. Dengan pendapatan gaji harian dan bergantung kepada elaun lebih masa untuk menambah pendapatan maka pendapatan Yang Kena Tuntut adalah tidak tetap adakalanya lebih dan adakalanya kurang seperti yang dinyatakan oleh Yang Kena Tuntut kepada mahkamah dan beliau menanggung perbelanjaan rumahtangga termasuk perbelanjaan isteri dan anak-anaknya. Dengan pendapat Yang Kena Tuntut seperti yang dinyatakan kepada mahkamah dan ditanggungnya terhadap keluarga dan rumahtangga maka saya berpendapat bahawa Yang Kena Tuntut bukanlah seorang yang tergolong dalam golongan yang berpendapatan tinggi dan mewah. Beliau bolehlah dikatakan seorang berpendapatan sederhana dan melebihi sedikit daripada paras pendapatan orang-orang yang tergolong di bawah paras



kemiskinan. Dengan itu, saya berpendapat bahawa untuk muta'ah sebanyak RM12,000.00 oleh Yang Menuntut itu adalah satu kadar yang tinggi dan tidak munasabah dengan kedudukan dan pendapatan Pihak Kena Tuntut. Dalam hal menentukan kadar muta'ah ini saya juga akan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Syariah di negara ini sekalipun kes-kes itu tidak mengikat mahkamah ini. Di antaranya ialah kes Mal No. 6/78 *Norbee* lawan *Ahmad Sanusi*, Jurnal Hukum, Jilid 1, Bahagian II, hlm. 63 - 70. Pihak-pihak dalam kes ini telah berkahwin pada 14hb. November, 1976. Pihak Kena Tuntut telah menceraikan Pihak Menuntut pada 27hb. Disember, 1977 dan perceraian tersebut telah didaftarkan pada 18hb. Mac 1978. Perceraian dibuat di Port Dickson, Negeri Sembilan tanpa pihak isteri. Pihak Kena Tuntut telah mengirim wang nafkah dan muta'ah sebulan RM500.00 mengikut peraturan tentera. Dia ialah Leftenan di dalam angkatan tentera. Dia mendakwa bahawa nafkah 'iddah dan muta'ah telah dibayar dan harta telah dibahagikan. *Norbee bte Ismail* telah membuat tuntutan terhadap *Sanusi bin Chik Mat* bekas suaminya di antara tuntutannya ialah muta'ah sebanyak RM9,000.00.

Diputuskan di antaranya ... ialah (2) Pihak Kena Tuntut hendaklah membayar RM1,500 sebagai muta'ah. Bayaran yang telah diterima sebanyak RM200.00 hendaklah ditolak dari jumlah RM1,500.00. Keputusan berdasarkan kepada kedudukan Yang Kena Tuntut *Sanusi bin Che Mat* berpangkat Leftenan pada waktu perceraian dengan pendapatan RM700.00 sebulan. Kes Rayuan Mal Bil. 31 Tahun 1977 Mahkamah Rayuan Ulangbicara Syariah Negeri Kedah. *Haji Abdullah bin Haji Hamzah* lawan *Che' Mon bte Yaacob*, Jurnal Hukum, Jilid III, Bahagian I, hlm. 110 - 116 di mana tuntutan muta'ah sebanyak RM1,000.00 dan diputuskan jawapan diperintahkan membayar muta'ah sebanyak RM1,000.00 kepada tuntutan. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada kedudukan Yang Kena Tuntut (jawapan). Mengikut Hakim bicara seperti di halaman 112, katanya: Juga, jumlah RM1,000.00 ini adalah adil sebagai saguhati kepada tuntutan yang telah diceraikan tanpa sebarang alasan munasabah padahal jawapan telah memperolehi harta yang banyak hasil daripada perceraian itu yang kalau dinilai lebih kurang RM100,00.00. Tuntutan, di mahkamah ini menuntut dengan segala murah hati seperti mahkamah memerintahkan jawapan membayar segala tuntutan ini dan juga membayar segala kerugian perceraian dalam kes ini. Berdasarkan kepada keterangan Yang Menuntut, saksi-saksinya dan Yang Kena Tuntut serta setelah merujuk kepada nas-nas daripada al-Qur'an al-Karim, pendapat-pendapat para fuqaha seperti yang telah saya sebutkan di atas dan juga setelah merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Syariah di negara ini dan telah disiarkan di dalam Jurnal Hukum seperti yang saya sebutkan di atas maka saya telah putuskan bahawa Pihak Yang Menuntut adalah berhak mendapat muta'ah daripada bekas suaminya (Yang Kena Tuntut) dan kadar muta'ah itu tidaklah seperti yang dituntut sebanyak RM12,000.00 tetapi kadar muta'ah itu adalah satu kadar yang berpatutan dan bersesuaian dengan kedudukan dan pendapatan Pihak Kena Tuntut yang akan ditentukan oleh mahkamah.

Berdasarkan kepada Hukum Syarak dan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 56 dan Seksyen 59 maka inilah aku hukum seperti berikut:

1. Aku hukum tuntutan nafkah 'iddah sebanyak RM500.00 sebulan dan berjumlah selama dalam 'iddah 3 bulan RM1,500.00 ditolak.
2. Aku hukum ke atas Yang Kena Tuntut membayar muta'ah sebanyak RM2,400.00.
3. Kos ditanggung oleh masing-masing.

**Tarikh keputusan:** 28 Mei, 1993

**Pelapor:** Mohamed Azam Mohamed Adil